

# Program Sains Sukan UMS pelopor penyelidikan Pengadil Ragbi di Malaysia

UB 22.5.13 A15

**KOTA KINABALU:** Program Sains Sukan, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mempelopori kajian terhadap pengadil sukan ragbi di Malaysia dengan pelbagai kajian yang diketuai pensyarah program, Dr Mohamad Nizam Nazarudin.

Baru-baru ini, beliau yang juga bekas pengadil ragbi antarabangsa bersama tiga pelajar Sarjana Muda Sains Sukan UMS telah melakukan kajian terhadap beberapa pengadil ragbi tujuh sebelah di negeri ini.

Menurut Mohamad Nizam, kajian itu bertujuan untuk melihat perbandingan kadar nadi dan jarak yang diliputi oleh seseorang pengadil semasa mengadili perlawanan ragbi selain melihat corak langkah

pergerakan mereka.

Katanya, kepentingan kajian itu adalah untuk menilai keperluan seorang pengadil ragbi yang sedang mengadili sesuatu perlawanan dan merangka strategi mutu pengadilan yang baik.

"Kajian ini diadakan ekoran terdapat rungutan daripada para pemain dan pengurusan pasukan terhadap prestasi pengadil ragbi.

"Justeru, saya bersama pasukan penyelidik berharap agar kajian yang dilaksanakan ini mampu memberi sesuatu sumbangan yang baik kepada sukan ragbi khususnya kepada pengadil acara sukan ini di Malaysia," katanya.

Beliau yang kini merupakan penilai pengadil ragbi antarabangsa berkata, kajian dijalankan ke atas



**PEMASANGAN** sensor jarak dan corak larian pada kasut pengadil.

empat pengadil utama di negeri ini yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengadilan ragbi di Malaysia seperti mengadili kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan Asean Rugby Football Union (ARFU).

Menurut Mohamad Nizam, alat yang digunakan untuk menjayakan kajian itu dikenali sebagai Polar Personal Trainer RC3 GPS, satu alat yang menggunakan teknologi pengesan nadi, jarak dan corak larian yang dipasang pada bahagian dada dan kaki.

Dalam pada itu, salah seorang pengadil, Vencant Yakun berkata kajian itu amat penting untuk mengetahui prestasi pengadil acara berkenaan semasa mengadili sesuatu perlawanan.

Katanya, setiap pengadil perlu memiliki alat itu agar mereka dapat

menilai prestasi diri sendiri memandangkan alat berkenaan juga penting dalam menilai kecergasan fizikal dan tahap kesihatan pengadil ragbi.

Seorang lagi pengadil, Andreas Hendricus pula berpendapat bahawa kajian menggunakan alat itu adalah sesuatu yang sangat menarik kerana data boleh dilihat sejeurus sahaja tamat perlawanan.

Justeru, beliau juga berharap agar usaha-usaha seperti ini dapat diteruskan agar bidang sukan ragbi lebih maju di masa hadapan.

Sementara itu, ketiga-tiga pelajar Sains Sukan yang menjayakan kajian itu berpendapat bahawa ia merupakan salah satu cabang ilmu yang baru bagi mereka.

Di samping dapat menimba pengalaman sebagai penyelidik, Ericson



**MOHAMAD Nizam Nazaruddin** selaku ketua penyelidik (tengah) bersama para pengadil ragbi.

Gustin, Azizul Lawrence dan Almah Darus juga berharap agar terus diberi kepercayaan dan tunjuk ajar oleh Mohamad Nizam untuk melakukan kajian-kajian dalam bidang sukan ragbi pada masa akan datang.

Selain kajian itu, Mohamad Nizam turut melakukan kajian terhadap faktor peramal prestasi pengadil dalam tesis Ijazah Doktor Falsafah (PhD) beliau.

Rekacipta dan inovasi beliau dalam menghasilkan alat bantu latihan kepengadilan ragbi turut menerima pengiktirafan dan berjaya memenangi pingat perak dalam Pertandingan Rekacipta

(PEREKA) 2012 dan pingat perak di peringkat antarabangsa melalui pertandingan di International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2013).

Kejayaan tu juga sekaligus menaikkan nama UMS selaku pusat penyelidikan kepengadilan yang pertama di Malaysia.



**PEMASANGAN** jam tangan yang digunakan untuk mengumpul data daripada sensor kaki dan denyutan nadi.